

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada konsep baru kemakmuran bersama akan menghasilkan perkongsian pendapatan yang lebih adil dan lebih saksama daripada sumber minyak dan gas yang dihasilkan di Sarawak antara Kerajaan Persekutuan, Petronas dan Kerajaan Sarawak yang kini hanya menerima 5% daripadanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) adalah hala tuju baharu negara yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) pada 18 Oktober 2018 di Parlimen. Kerangka asas WKB dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri dalam Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu Kerajaan Pakatan Harapan pada 9 Mei 2019 dan wawasan ini dilancarkan dengan rasminya pada 5 Oktober 2019 lalu.

2. Secara umumnya, WKB adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan. Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.

3. Di bawah hala tuju baharu ini, Kerajaan komited untuk memastikan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan saksama serta inklusif termasuk isu berkaitan perkongsian pendapatan daripada sumber minyak dan gas yang dihasilkan di Sarawak.

4. Isu berkaitan minyak dan gas adalah kompleks dan melibatkan banyak pihak berkepentingan. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Disember 2018 memutuskan supaya ianya dibincangkan dalam satu forum berasingan. Dalam hal ini, dua Forum Berasingan (*Separate Forum*) telah dibentuk yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak (bagi isu berkaitan Sarawak) dan YAB Ketua Menteri Sabah (bagi isu berkaitan Sabah).

5. Skop forum berasingan ini merangkumi tiga (3) perkara iaitu:-

- (i) Bayaran tunai atau Royalti;
- (ii) Perbincangan komersial / *Business-to-Business* (B2B); dan
- (iii) Cukai Jualan Produk Petroleum.

6. Mesyuarat Forum Berasingan dengan Kerajaan Negeri Sabah telah diadakan di Parlimen pada 16 Julai 2019. Forum ini dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sabah.

7. Selain itu, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Julai 2019, telah bersetuju bahawa isu berkaitan petroleum akan dibincang dan diputuskan secara bersama antara YAB Perdana Menteri dan kedua-dua Ketua Menteri, Sabah dan Sarawak.

8. Keputusan daripada perbincangan antara ketiga-tiga pemimpin ini akan menjadi asas untuk meneruskan perbincangan selanjutnya termasuk mengenai permintaan 20% royalti untuk Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.